

Perlis laksana projek tangani bencana banjir

KANGAR - Kerajaan negeri akan membina laluan air dalam parit di sepanjang jalan raya di Perlis bagi menangani masalah banjir.

Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man berkata,



AZLAN

perbincangan akan dibuat dengan Jabatan Pengairan dan Saliran serta Jabatan Kerja Raya bagi melaksanakan projek tersebut sama ada secara mendalamkan atau meluaskan parit di samping membersihkan halangan laluan air daripada sampah sarap.

“Kerajaan negeri juga sedang melaksanakan Projek Lencongan Barat bernilai RM500 juta bagi mengalirkan limpahan air dari kawasan kediaman penduduk atau kawasan pertanian semasa musim hujan ke dalam Empangan Timah Tasoh di Beseri.

“Projek itu dijangka siap pada penghujung tahun ini atau awal tahun hadapan,” katanya kepada pemberita pada majlis perhimpunan bulan kaki-tangan perkhidmatan awam di sini semalam.